

Ke arah memperkasa pengajian tinggi

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bertujuan menyediakan ekosistem pengajian tinggi kondusif ke arah menghasilkan pusat pengajian tinggi unggul dan melahirkan modal insan bagi memenuhi keperluan negara dan antarabangsa.

Ikuti ulasan lanjut mengenai PSPTN daripada Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr. Rujhan Mustafa dalam temubual yang diadakan baru-baru ini.

PSPTN dilancarkan Perdana Menteri pada 27 Ogos 2007. Ia menggariskan tujuh teras strategik merangkumi peluasan akses dan meningkatkan ekuiti, menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperteguh penyelidikan dan inovasi, memperkasa institusi pengajian tinggi, mempergiatkan pengantarabangsa, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dan memperkukuh sistem penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Bagi menyediakan ekosistem pengajian tinggi dan menghasilkan modal insan holistik, KPT menggariskan 23 bidang kritikal di laksanakan pelbagai agensi di bawah KPT.

Antara 23 bidang kritikal tersebut, lima merupakan tonggak utama bagi melonjakkan kualiti institusi pengajian tinggi, iaitu tadbir urus, kepemimpinan, akademia, pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan pembangunan.

Pelaksanaan PSPTN meliputi empat fasa sehingga melangkaui tahun 2020 iaitu Fasa 1: 2007 hingga 2010 Peletakan Asas, Fasa 2: 2011 hingga 2015 Peningkatan dan Pemerikasaan, Fasa 3: 2016 hingga 2020 (Kecemerlangan) dan Fasa 4: Melangkaui 2020 (Kegemilangan dan Kelestarian).

Selaras dengan pelan tindakan yang digariskan dalam PSPTN, KPT melaksanakan tindakan mengikut setiap teras strategik ditetapkan. Keberhasilan dicapai sehingga kini mengikut teras strategik berikut:

Meluaskan Akses dan Meningkatkan Ekuiti

Akses kepada pengajian tinggi melalui penawaran tempat di 589 buah institusi pengajian tinggi negara. Bagi IPTA enrolmen pelajar di 20 buah IPTA meningkat 32.7 peratus iaitu dari 382,997 pada 2007 kepada 508,256 pada 2011. Begitu juga di IPTS iaitu sebanyak 44 peratus, dari 365,800 pada tahun 2007 kepada 526,648 pada tahun 2011.

Usaha lain memudahkan akses pelajar kepada pengajian tinggi, dilaksanakan melalui peranan PTPTN sebagai penyumbang terbesar selain agensi lain. Pada 2011, peminjam PTPTN seramai 1.9 juta berbanding 1.7 juta pada 2010.

Menambah Baik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

ditubuhkan pada 1 November 2007. Agensi ini melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). MQF merupakan satu mekanisme penentuan, kawalan, pemantauan dan jaminan kualiti kelayakan seragam mengklasifikasikan dan menyatupadukan semua kelayakan di institusi pembelajaran.

Kaedah pembelajaran dan pengajaran menggunakan pendekatan student-centred learning (SCL) diterapkan dalam proses pembelajaran supaya pelajar mempertingkatkan daya pemikiran dan keupayaan untuk lebih inovatif.

Kebolehpasaran siswazah adalah satu indikator kepada kualiti pembelajaran dan pengajaran. Pada 2011, secara purata, peratus siswazah bergraduasi dan bekerja dalam tempoh enam bulan setelah tamat pengajian meningkat 1 peratus kepada 76 peratus berbanding 2010.

Memperteguhkan Penyelidikan dan Inovasi

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 11 Oktober 2006 bersetuju empat universiti iaitu UM, USM, UKM dan UPM

diiktiraf sebagai universiti penyelidikan.

Aktiviti R&D dapat disemarakkan melalui program MyBrain15 dalam pembentukan critical mass penyelidik dan graduan berpengetahuan tinggi dan berinovatif.

Memperkasa Institusi Pengajian Tinggi

Usaha terus dilaksanakan supaya IPT berdaya saing untuk berada dalam kelompok universiti terbaik dunia. APEX (Accelerated Programme for Excellence) merupakan program membantu institusi melonjakkannya ke arah kecemerlangan.

Pada 2011, lima universiti penyelidikan diberi autonomi dalam empat bidang iaitu: Institusi Govenan, Kewangan dan Penjanaan Pendapatan, Sumber Manusia dan Pengurusan Akademik.

Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) juga dari masa ke semasa dipinda untuk memantapkan tadbir urus IPTA.

Usaha memperkasakan IPT adalah melalui pewujudan pusat kecemerlangan pengajian tinggi (HICoE). Selain itu, pemerkasaan Top Business School dan Pusat Pengajian Siswazah memainkan peranan memperkasakan IPT dan

merangsang taraf ekonomi negara.

Mempergiatkan Pengantarabangsa

Sehingga akhir 2011, 90,850 pelajar antarabangsa daripada lebih 150 negara, menuntut di IPT berbanding 86,919 pada 2010. Kedatangan pelajar antarabangsa ini menjana anggaran pendapatan negara melebihi RM2.7 bilion setahun.

Bagi menyuntik elemen pengantarabangsa di IPTA, pihak JPA dan Perbendaharaan bersetuju menurunkan kuasanya kepada KPT melantik pensyarah dari kalangan warga tempatan dan luar negara secara contract for service.

Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

PSH dilaksanakan IPT menggunakan pendekatan pendidikan jarak jauh, pendidikan fleksibel, pengiktirafan pengalaman bekerja dan penawaran kursus pendek. Mod pembelajaran secara online diperluaskan bagi membolehkan penyertaan menyeluruh.

Memperkukuh Sistem Penyampaian KPT

KPT melalui PSPTN, berperanan sebagai pemudah cara ke arah kecemerlangan pengajian tinggi. Usaha strategik terus digembeng bagi memastikan peranan pemudahcaraan KPT berterusan dan meningkatkan ketertampakan serta imej korporat KPT.



Profesor Datuk Dr. Rujhan Bin Mustafa, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi.